



SIARAN MEDIA

PROGRAM KEMBARA AMAL RAMADHAN

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN TAHUN 1439H/2018M

BAGI DAERAH TUTONG, BELAIT DAN TEMBURONG

Bandar Seri Begawan, Selasa 5 Jun 2018 – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) meneruskan lagi Program Kembara Amal Ramadhan 1439H/2018M pada hari ini secara serentak di tiga buah daerah iaitu Daerah Tutong, Belait dan Temburong untuk menyampaikan sumbangan berupa barang keperluan asas kepada 15 buah keluarga yang tersenarai di Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), yang terdiri daripada golongan susah termasuklah penerima bantuan kebajikan bulanan, anak yatim, warga emas dan orang kelainan upaya.

Bagi Daerah Tutong, rombongan diketuai oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut serta dalam rombongan ini ialah Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd Hussein, Pegawai Daerah Tutong serta pegawai-pegawai kanan dan para kakitangan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat. Sebanyak lima buah rumah telah dikunjungi untuk menyampaikan sumbangan amal Ramadhan.

Rombongan ke rumah pertama dimulakan di Kampung Kuala Ungar Merimbun, kemudian diteruskan ke Kampung Layong, Kampung Lamunin, Kampung Lubok Pulau dan seterusnya ke Kampung Rumah Perpindahan Negara (RPN) Bukit Beruang.

Di Daerah Belait, rombongan diketuai oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput, Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Labi dan Ketua Kampong Labi 1 dan Yang Mulia Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd Daud, Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Rumah pertama dan kedua dimulakan di Kampung Sungai Tali, kemudian beredar ke rumah ketiga di Kampung Lumut dan seterusnya dilanjutkan ke Kampung Sungai Bakong dan Lesen Tumpang Sementara (LTS) Tanah Tersusun, Lumut 1.

Di Daerah Temburong pula, rombongan diketuai oleh Yang Mulia Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Rumah pertama yang dikunjungi ialah Kampung Negalang Iring, kemudian beredar ke Kampung Gadong Baru dan seterusnya dilanjutkan ke Kampung Rataie, Kampung Rumah Perpindahan Negara (RPN) Parit dan Berek Loji Penapisan Air Sumbiling.

Rombongan di ketiga buah daerah ini turut disertai oleh ketua-ketua kampong serta pegawai-pegawai kanan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Program ini merupakan program tahunan KKBS sebagai inisiatif *outreach* ke seluruh daerah untuk menghulurkan sumbangan kepada mereka yang memerlukan bagi membantu dan meringankan beban orang-orang susah selain untuk memberikan kegembiraan kepada mereka dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang dengan penuh keriang dan kesyukuran.

##Tamat##

Dikeluarkan Oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Pembangunan Masyarakat

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 20 Ramadhan 1439 / 05 Jun 2018